

## **Peremitan Duti Setem Ke Atas Surat Cara Perjanjian Perkhidmatan**

Merujuk kepada [\*\*pemberitahuan bertarikh 9 September 2009\*\*](#), YB Menteri Kewangan selaras dengan kuasanya di bawah seksyen 80(2), Akta Setem 1949 telah bersetuju supaya surat cara perjanjian perkhidmatan yang disempurnakan **mulai 15 September 2009 hingga 31 Disember 2010** hanya dikenakan duti setem sehingga RM50 sahaja dan duti selebihnya diremitkan.

Sehubungan itu, bagi melaksanakan keputusan tersebut, sukacita dimaklumkan bahawa **Perintah Duti Setem (Peremitan) 2009 / P.U. (A) 391/2009** telah diwartakan pada 5 November 2009.

Selaras dengan pewartaan perintah peremitan berkenaan, surat cara perjanjian perkhidmatan yang disempurnakan **mulai 15 September 2009 hingga 31 Disember 2010** boleh disetemkan di mana-mana Cawangan Pejabat Duti Setem, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia pada kadar sehingga RM50 tanpa perlu memohon surat kelulusan daripada Kementerian Kewangan.

Bahagian Analisa Cukai  
Kementerian Kewangan

10 November 2009